

30 JUN 2004

Rally-Membaca

IKIP MULAKAN RALLY MEMBACA TANPA HENTI SELAMA 101 JAM

KUANTAN, 30 Jun (Bernama) -- Kolej Institut Kemajuan Iktisas Pahang

(IKIP) hari ini memulakan program Rally Membaca IKIP 2004 tanpa henti menerusi pembacaan 10 jilid ensiklopedia karangan bekas Pendana Menteri,

Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IKIP, Dr Nor Hasnan Ahmad berkata pemilihan ensiklopedia bekas Perdana Menteri itu dibuat kerana ia mencakupi skop yang luas selain menyentuh pelbagai bidang pengetahuan daripada idea-idea bernasnya.

Beliau berkata peserta-peserta program yang terdiri daripada 30 pelajar

IKIP memulakan sesi pembacaan mulai 10 pagi tadi dan dijangka berlangsung

selama 101 jam tanpa henti dan berakhir 4 Julai ini di pelbagai lokasi

seperti di pejabat-pejabat terpilih dan tempat awam di Kuantan.

Katanya, kaedah tersebut menggambarkan bahawa budaya membaca boleh

dilakukan tanpa mengira tempat dan masa selain merupakan suatu aktiviti

yang ringan dan boleh dilakukan secara berterusan.

"Pada hari terakhir rally membaca itu para peserta akan memastikan

bacaan yang dibuat memecah rekod membaca selama ini iaitu 96 jam 32 minit

dan dengan jangkauan tempoh membaca selama 101 jam," katanya ketika Majlis

Pelancaran Program Rally Membaca IKIP 2004 di Pejabat Yayasan Pahang, di

sini hari ini.

Rally bacaan itu dimulakan Pengurus Besar Yayasan Pahang, Datuk Sa'ariah yang turut merasmikan majlis pelancaran program tersebut, diikuti

beberapa pegawai IKIP sebelum diteruskan pelajar IKIP.

Setiap kumpulan akan dianggotai empat hingga lima pelajar dan akan

membaca dengan senyap secara bergilir-gilir selama 4 jam dan kumpulan baru

akan mengambil alih sehingga jam sasaran dicapai.

Beliau berkata pemantauan akan dilakukan selama 15 minit untuk setiap

jam melalui juri yang dilantik dari badan-badan atau organisasi

berkecuali
dan juri dikehendaki menandatangani buku log setiap kali lawatan ke
tempat
rally berlangsung dan rakaman video akan dibuat ketika juri datang
membuat
pengesahan.

Dr Nor Hasnan berkata muka terakhir ensiklopedia itu dijangka
akan
dibaca oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob di
kediaman
rasminya dan akan dibuat secara "teleconference" di hadapan
jemputan-jemputan di pusat membeli belah Kuantan Parade, Kuantan.

Menurutnya pihak Malaysian Book of Record akan menganugerahkan
pengiktirafan sebagai rekod rally membaca paling lama dalam negara
kepada
Kolej IKIP serta peserta, apabila mereka berpuas hati dengan semakan
dan
kesahihan perjalanan Rally Membaca itu.

-- BERNAMA

TSS MS AZH